



UDA HOLDINGS BERHAD

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berkelayakan serta mempunyai pengalaman, keupayaan kewangan dan peralatan yang mencukupi bagi melaksanakan projek di bawah. Hanya kontraktor-kontraktor yang memenuhi kriteria-kriteria berikut akan diberi pertimbangan :-

Bil	Jenis Kerja	PKK			CIDB		Harga Dokumen (RM)	Earnest Money (RM)	Tarikh Tutup Tender
		Kelas	Kepala	Sub-kepala	Gred	Kategori			
1.	Cadangan Pembangunan Taman Seri Indah Fasa 3B Di Atas Lot 4563 & Lot 5491, Mukim 6 Dan Lot 5135 & Lot 5672, Mukim 8, Kepala Batas, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang Untuk UDA Land (North) Sdn. Bhd.	B	II	2 (a)	G6 ke atas	B 04	750.00	2,000.00	16/02/2012

Pentender hendaklah mempunyai pengalaman sebagaimana berikut :-

Mempunyai pengalaman dalam menyiapkan kerja-kerja bangunan dengan jumlah kontrak sekurang-kurangnya RM5,000,000.00 dalam satu (1) kontrak di dalam tempoh 5 tahun yang terkini. Pentender yang berpengalaman dalam bidang bangunan adalah lebih diutamakan.

Pentender-pentender yang berminat boleh mendapatkan dokumen tender mulai 31 Januari 2012 hingga 09 Februari 2012 pada waktu pejabat daripada :-



UDA LAND (NORTH) SDN. BHD.
(Company No. 22339-T)
No. 1961, Jalan Bertam,
13200 Kepala Batas,
Seberang Perai Utara,
Pulau Pinang.
Tel. No. : 04 - 575 5566
Faks No. : 04 - 575 4166
E-Mail : udanorth@udanorth.udanet.com

Mulai : 31 Januari 2012 hingga 09 Februari 2012

dengan bayaran yang dinyatakan di atas sebagai bayaran dokumen tender dalam bentuk **Tunai / Bank Deraf / Banker's Cheque atau Kiriman Wang atau Perintah Pos Berpalang** di atas nama **UDA Land (North) Sdn. Bhd.**

Bayaran dokumen tidak akan dikembalikan kepada pentender.

MUSTAHAK

Pentender dinasihatkan membaca dengan teliti arahan kepada pentender di dalam Naskah Meja Tawaran . **Kegagalan mematuhi sebarang arahan dan / atau perkara yang dinyatakan akan menyebabkan tender pentender ditolak.** Pentender dikehendaki mengemukakan dokumen asal dan salinan pendaftaran dengan PKK dan CIDB yang masih sah tempohnya (untuk simpanan UDA) sebelum dibenarkan membeli dokumen tender.

Pentender hendaklah mengemukakan tender mereka berserta 'earnest money' berjumlah sebagaimana yang dinyatakan di atas nama UDA Land (North) Sdn Bhd dan dimasukkan dalam sampul dan dicatitkan 'Earnest Money' di luar sampul tersebut.

Dokumen yang telah disempurnakan hendaklah dikembalikan dalam satu (1) sampul sahaja. Sampul tersebut hendaklah dimeteri sepertimana yang dinyatakan di dalam arahan kepada pentender (Instruction to Tenderer) sebelum atau pada jam 12.00 tengahari, pada 16 Februari 2012.

Tender hendaklah dimasukkan ke dalam peti tender yang dikhaskan di UDA Land (North) Sdn Bhd sepertimana alamat di atas.

UDA Land (North) Sdn Bhd tidak terikat untuk menerima tender terendah atau mana-mana tender dan keputusan adalah muktamad.

KENYATAAN INI JUGA BOLEH DILIHAT DI LAMAN WEB UDA HOLDINGS BERHAD DI ALAMAT :
<http://www.uda.com.my/tender>